

SULIT

3766/1

3766/1

PERNIAGAAN

KERTAS 1

OGOS 2019

1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-			
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2019**

**PERNIAGAAN
KERTAS 1**

MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan
2. Jawab semua soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

1 Pernyataan yang manakah benar tentang tujuan perniagaan?

- A Meningkatkan pendapatan negara
- B Memberi peluang pekerjaan
- C Menawarkan barang dan perkhidmatan
- D Membantu masyarakat setempat.

2 Pernyataan yang berikut berkaitan dengan Syarikat Mudah Jaya Sdn. Bhd.

Syarikat telah membina dua buah tempat menunggu bas di luar kawasan sekolah berhampiran kilangnya.

Bagaimanakah Syarikat Mudah Jaya Sdn. Bhd. telah menggunakan keuntungannya ?

- A Memajukan lagi perniagaan
- B Membantu masyarakat setempat
- C Membayar ganjaran kepada pekerjaanya
- D Mendapatkan keyakinan daripada pelabur

3 Pernyataan berikut berkaitan harga barang.


Gandum, gula dan minyak masak adalah antara barang keperluan asas yang dijual pada harga subsidi

Hal ini bermakna barang tersebut dijual

- A pada harga kos.
- B di atas harga kos.
- C di bawah harga kos.
- D diberikan secara percuma.

- 4 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan usaha sama ?
- I Syarikat boleh menembusi pasaran yang belum diterokai
 - II Risiko perniagaan ditanggung oleh syarikat yang menyebabkan kerugian sahaja
 - III Syarikat boleh berkongsi kepakaran teknologi dengan syarikat lain
 - IV Semua aset dalam perniagaan asal akan diserap ke dalam perniagaan baharu
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 5 Apakah tanggungjawab franchisor dalam perniagaan francais?
- A Membayar fi tertentu kepada franchisi
 - B Melaksanakan perjanjian perkongsian
 - C Menyediakan tapak lokasi perniagaan
 - D Melakukan promosi secara berpusat
- 6 Antara yang berikut, yang manakah menentukan saiz sesebuah perniagaan?
- I Bilangan pekerja tetap
 - II Jumlah modal yang dilaburkan
 - III Bilangan cawangan perniagaan
 - IV Jumlah jualan tahunan produk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7 Rajah 1 berkaitan dengan sektor perniagaan



Rajah 1

Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor **X**?

- A Pembekalan tenaga elektrik
- B Perlombongan petroleum
- C Perkhidmatan perbankan
- D Pembinaan jambatan

8 Apakah faedah seseorang peniaga mendaftar perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ?

- A Untuk mendapatkan pengecualian lesen daripada kerajaan
- B Untuk mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
- C Untuk menuntut bayaran daripada agensi kerajaan
- D Untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan

9 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan dasar fiskal?

- A Bank pusat mengawal kadar faedah pinjaman
- B Kerajaan pusat mengawal aktiviti bank perdagangan
- C Bank pusat mengawal aliran keluar masuk mata wang asing
- D Kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan ekonomi

- 10 Gambar 1 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menyediakan bantuan modal kepada usahawan berskala besar
 - B Membantu mempromosi produk usahawan ke luar negara
 - C Mempelbagaikan pilihan barang untuk pengguna
 - D Meningkatkan jumlah perbelanjaan kerajaan
- 11 Antara yang berikut, yang manakah tujuan penetapan misi organisasi perniagaan?
- I Menjadi garis panduan setiap unit
 - II Mengagihkan sumber lebih cekap
 - III Misi ditetapkan sebelum penulisan visi
 - IV Mencapai matlamat dalam jangka masa panjang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Sebuah kilang pakaian telah menerima tempahan pakaian seragam sekolah pada 21 Julai 2019. Tempahan ini perlu disiapkan sebelum 1 November 2019. Apakah ciri objektif dalam situasi di atas?
- A Spesifik
 - B Munasabah
 - C Boleh capai
 - D Jangka masa

- 13 Berapa lamakah tempoh yang diambil oleh satu penetapan visi untuk mencapai matlamat sesebuah perniagaan ?
- A Melebihi 3 tahun.
 - B Melebihi 5 tahun.
 - C Melebihi 7 tahun.
 - D Melebihi 10 tahun.
- 14 Apakah faktor yang perlu diambil kira oleh Syarikat Pembinaan Daya untuk menghasilkan visi dan misi perniagaannya ?
- I Belian
 - II Pemasaran
 - III Daya saing
 - IV Syer pasaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Perniagaan Anna menjual bedak jenama Cantik pada harga RM50 seunit. Kos berubah seunit adalah RM35 manakala kos tetap adalah RM300 000. Berapa unit yang perlu dijual untuk mendapatkan pulangan modal ?
- A 20 000 unit
 - B 3 529 unit
 - C 8 571 unit
 - D 6 000 unit
- 16 Ramli seorang pengurus di sebuah syarikat perladangan. Beliau dipertanggungjawabkan untuk merancang program latihan dan pembangunan staf bagi memastikan kemudahan untuk pekerja terjaga. Bahagian fungsian manakah beliau bertugas?
- A Kewangan
 - B Pentadbiran
 - C Sumber manusia
 - D Khidmat pelanggan

- 17 Apakah kepentingan kawalan awalan dalam fungsian pengeluaran?
- A Memastikan produk yang dihasilkan memenuhi piawaian
 - B Memastikan semua staf bekerja secara produktif
 - C Memastikan proses pengeluaran berjalan lancar
 - D Memastikan semua input dalam keadaan baik
- 18 Gambar 2 berkaitan dengan sejenis produk.



Gambar 2

Saluran agihan manakah yang sesuai dengan produk tersebut ?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

19 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu bahagian fungsian.

- ❖ Menjalankan urusan dalam organisasi
- ❖ Mengendalikan mesyuarat
- ❖ Menguruskan rekod

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pembelian
 - B Pemasaran
 - C Pengagihan
 - D Pentadbiran
- 20 Apakah yang dimaksudkan dengan strategi pembangunan produk?
- A Memperkenalkan produk sedia ada kepada pasaran baharu
 - B Memperkenalkan produk baharu untuk pasaran sedia ada
 - C Mempelbagai produk syarikat untuk meningkatkan jualan
 - D Mencari pasaran baharu untuk produk sedia ada
- 21 Apakah tujuan utama deskripsi tugas diwujudkan dalam sesebuah organisasi perniagaan ?
- A Memastikan kesetiaan pekerja
 - B Meningkatkan motivasi pekerja
 - C Membolehkan pekerja menjana idea baharu
 - D Memastikan pekerja menjalankan tugas dengan cekap
- 22 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Standard Prosedur Operasi (SOP) dalam sesebuah organisasi perniagaan?
- A Pekerja memakai topi keselamatan apabila memasuki tapak projek
 - B Doktor menggunakan jarum yang sama ketika menyuntik lima orang pesakit
 - C Pemandu bas pesisiran menyediakan tiga kerusi untuk penumpang tambahan
 - D Pengusaha feri ke Pulau Perhentian menyediakan sebanyak sepuluh helai jaket keselamatan

- 23 Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh seseorang majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada pekerjaanya ?
- I Bilangan pekerja tetap
 - II Jumlah produk yang dikeluarkan
 - III Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
 - IV Peraturan dan undang-undang kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Mengapakah usahawan perlu mengambil insurans terhadap sumber fizikal ?
- A Melindungi kilang dari kebakaran
 - B Melindungi kereta isterinya dari dicuri
 - C Melindungi produknya dari dicetak rompak
 - D Memastikan produktiviti berjalan dengan lancar
- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat perfileman.

Sebuah filem yang baharu diterbitkan telah didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk mendapat perlindungan hak cipta terpelihara.

- Mengapakah syarikat berkenaan berbuat demikian?
- A Melindungi filem dari dicuri
 - B Melindungi filem dari cetak rompak
 - C Melindungi pelakon dari risiko kecederaan
 - D Melindungi kamera syarikat dari risiko kecurian

26 Apakah kelebihan sumber pembiayaan dalaman ?

- I Tiada faedah dikenakan atas pinjaman
 - II Tempoh bayaran balik yang panjang
 - III Jumlah pembiayaan besar
 - IV Cepat dan ringkas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan perniagaan.

- ❖ Usahawan boleh menggunakan sesebuah jentera
- ❖ Pemberi sewa adalah pemilik jentera
- ❖ Jentera diserahkan balik kepada pemilik bila tamat tempoh sewaan

Apakah sumber pembiayaan tersebut ?

- A Pemfaktoran
- B Sewa beli
- C Pajakan
- D Syer

28 Bagaimanakah syarikat pemfaktoran membantu peniaga ?

- A Menyediakan kemudahan tunai dengan segera
- B Menyediakan kemudahan overdraf
- C Menjual barangan secara kredit
- D Menyewakan jentera

- 29 Apakah kemudahan yang hanya disediakan oleh bank kepada peniaga yang mempunyai akaun semasa ?
- A Ar-Rahnu
 - B Overdraf
 - C Sewa beli
 - D Kad kredit
- 30 Gambar 3 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 3

- Apakah bentuk bantuan agensi tersebut kepada usahawan ?
- A Memberi pinjaman kepada petani untuk membeli rumah kediaman
 - B Menawarkan geran insentif dalam bidang sains dan teknologi
 - C Menjadi pemberi jaminan kredit bagi usahawan untuk mendapat pinjaman bank
 - D Menyediakan kemudahan ruang niaga dan kursus keusahawanan kepada peniaga
- 31 Apakah fungsi nisbah semasa kepada perniagaan?
- A Keupayaan membeli aset secara tunai
 - B Kemampuan menjelaskan liabiliti jangka pendek
 - C Keupayaan membeli aset tetap dan semasa secara kredit
 - D Kemampuan menjana keuntungan daripada aset sedia ada

32 Antara yang berikut, yang manakah dicatat dalam penyata pendapatan ?

- I Aset
- II Hasil
- III Belanja
- IV Liabiliti
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kenchana.

Butiran	RM
Untung kasar	65 500
Untung bersih	42 600
Jualan	107 800
Belanja	32 900
Modal awal	110 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi perniagaan tersebut?

- A 59.09%
- B 29.09%
- C 38.73%
- D 98.00%

34 Pernyataan di bawah berkaitan dengan Encik Ahmad.

Encik Ahmad merupakan seorang usahawan yang sentiasa menghasilkan ciptaan-ciptaan baharu bagi memenuhi citarasa pelanggannya.

Apakah ciri usahawan yang ada pada Encik Ahmad ?

- A Kreatif
- B Inovatif
- C Berani menanggung risiko
- D Pandai mengambil peluang

35 Apakah sumbangan usahawan kepada masyarakat?

- I Menghasilkan keuntungan
 - II Mewujudkan peluang pekerjaan
 - III Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - IV Memberikan ganti rugi bagi barangan yang rosak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Antara yang berikut, yang manakah faktor pemilihan lokasi perniagaan oleh seseorang usahawan?

- I Terdapat kesesakan lalu lintas
 - II Jauh daripada tempat kediaman
 - III Kemudahan infrastruktur yang lengkap
 - IV Berhampiran dengan pembekal bahan mentah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 37 Apakah ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) ?
- A Entiti tidak berasingan
 - B Fleksibiliti perniagaan
 - C Kewujudan tidak kekal
 - D Menanggung liabiliti tidak terhad
- 38 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan peraturan penubuhan milikan tunggal ?
- I Pemilik mesti berumur 21 tahun ke atas
 - II Mendaftar perniagaan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perniagaan dimulakan
 - III Tidak bertentangan dengan undang-undang perniagaan
 - IV Nama perniagaan yang dipilih mestilah nama tred
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 39 - 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual berikut .

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Seseorang usahawan harus peka dengan perubahan undang-undang
- II Tujuan kerajaan menggubal undang-undang berkait dengan perniagaan adalah hanya untuk melindungi kepentingan pengguna
- 40 I Organisasi perniagaan yang mempunyai peratusan syer pasaran yang rendah akan menguasai pasaran tersebut
- II Syer pasaran adalah peratusan penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah perniagaan berbanding pesaing.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT